



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

15 FEBRUARI 2022


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu pada hari ini adalah sebanyak 4,374 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 282,669 kes. Lapan (8) kes kematian dilaporkan hari ini iaitu tiga (3) kes di daerah Tuaran dan masing-masing satu (1) kes di Tawau, Semporna, Beaufort, Kota Kinabalu dan Kota Marudu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,461 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 247,615 orang. Manakala 2,842 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,306 orang di hospital, 1,344 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 190 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 46 orang merangkumi 41 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 41 (17.98%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 26 daerah.

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Seperti yang telah diramal jumlah kes baharu di Sabah terus meningkat dengan 4,373 kes hari ini. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 339 kes berbanding semalam dan merupakan angka tertinggi yang pernah dicatatkan di negeri Sabah. Dengan mengambil kira peratusan jangkitan sporadik hampir 63% daripada jumlah keseluruhan, jumlah kes baharu dijangka akan terus naik dalam masa terdekat.
- b Kota Kinabalu kekal dengan angka tertinggi iaitu 752 kes (-158), diikuti oleh Sandakan 647 kes (+151), Tuaran 388 kes (kekal), Penampang 385 kes (+60), Tawau 256 kes (-72), Putatan 241 kes (+41), Papar 233 kes (-30), Lahad Datu 196 kes (+7), Ranau 158 kes (+29), Beaufort 158 kes (+24), Keningau 144 kes (+38), Kota Belud 123 kes (+17) dan Kota Marudu 116 kes (+32). 13 daerah merekodkan kes tiga angka manakala 12 daerah mencatat kes dua (2) angka dan dua (2) daerah mencatat kes satu (1) angka. Kebanyakan daerah di Sabah mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam.
- c Dua (2) kluster baharu diisyiharkan hari ini, iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu 2 di Kota Kinabalu dan Kluster Jubi Tambulion di Kota Belud.
- d Kluster Tembok Kota Kinabalu 2 adalah kluster pusat tahanan di Penjara Kepayan, Kota Kinabalu dan melibatkan banduan dan kakitangan di Penjara Kepayan. Indeks kes merupakan seorang banduan lelaki, warganegara, berumur 27 tahun yang bakal dibebaskan. Saringan terhadap semua kontak rapat telah mendapati 103 orang lagi di kalangan banduan dan kakitangan penjara didapati positif, menjadikan jumlah keseluruhan 104 kes positif setakat hari ini. Semua pesakit telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat yang tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

- e Kluster institusi pendidikan di Kota Belud, Kluster Jubi Tambulion melibatkan pelajar di Asrama Jubilee SMK Tambulion. Indeks kes merupakan seorang pelajar lelaki, warganegara, berumur 17 tahun yang dikesan melalui saringan bergejala pada 12 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas telah mendapat lebih ramai yang positif menjadikan jumlah keseluruhannya 22 kes positif, setakat hari ini. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- f Hampir 12% daripada jumlah jangkitan baharu hari ini melibatkan kanak-kanak di bawah umur 11 tahun. Seramai 208 pesakit kanak-kanak berumur kurang daripada 5 tahun yang belum layak diberi vaksin dan 314 pesakit lagi berumur antara 5 hingga 11 tahun yang sudah layak menerima vaksin. Adalah diharapkan semua kanak-kanak yang sudah layak diberi vaksin mendapatkan dengan kadar segera bagi memberi perlindungan maksimum kepada mereka daripada jangkitan atau kesan serius daripada jangkitan virus
- g Sejumlah 99.45% atau 4,350 daripada 4,374 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat tujuh (7) kes dalam Kategori 3, 10 kes dalam Kategori 4 dan tujuh (7) kes dalam Kategori 5.
- h Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,332) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	41	0.94%
2	Kontak	1,332	30.45%
3	Bergejala	2,754	62.96%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	247	5.64%
<b>JUMLAH</b>		<b>4,374</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (14 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 14/02/2022	Catatan Kes 15/02/2022	Perbandingan
1	Sandakan	496	647	151
2	Penampang	325	385	60
3	Sipitang	28	83	55
4	Putatan	200	241	41
5	Keningau	106	144	38
6	Tambunan	25	62	37
7	Kota Marudu	84	116	32
8	Ranau	129	158	29
3	Telupid	38	63	25
10	Beaufort	134	158	24
11	Beluran	21	45	24
12	Nabawan	4	28	24
13	Pitas	10	32	22
14	Kota Belud	106	123	17
15	Kudat	27	39	12
16	Semporna	35	45	10
17	Kunak	44	53	9
18	Lahad Datu	189	196	7
19	Kuala Penyu	46	53	7
20	Kalabakan	2	3	1
21	Tuaran	388	388	Mendatar
22	Kota Kinabalu	910	752	-158
23	Tawau	328	256	-72
24	Papar	263	233	-30
25	Tenom	40	23	-17
26	Kinabatangan	48	40	-8
27	Tongod	9	8	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>4035</b>	<b>4374</b>	<b>+339</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	2	197	509	0	44	752	7,172
Sandakan	0	91	547	0	9	647	4,451
Tuaran	0	216	156	0	16	388	3,062
Penampang	0	122	258	0	5	385	3,193
Tawau	1	41	152	0	62	256	2,057
Putatan	0	27	213	0	1	241	855
Papar	0	81	141	0	11	233	2,003
Lahad Datu	0	38	147	0	11	196	1,614
Beaufort	0	30	109	0	19	158	1,148
Ranau	1	60	85	0	12	158	1,219
Keningau	3	72	63	0	6	144	787
Kota Belud	20	53	46	0	4	123	1,008
Kota Marudu	0	57	53	0	6	116	917
Sipitang	0	44	37	0	2	83	362
Telupid	0	42	21	0	0	63	338
Tambunan	0	16	41	0	5	62	215
Kuala Penyu	0	38	15	0	0	53	531
Kunak	0	18	35	0	0	53	502
Semporna	0	0	34	0	11	45	487
Beluran	1	20	24	0	0	45	297
Kinabatangan	13	12	11	0	4	40	394
Kudat	0	3	25	0	11	39	335
Pitas	0	17	14	0	1	32	130
Nabawan	0	25	2	0	1	28	140
Tenom	0	11	6	0	6	23	204
Tongod	0	0	8	0	0	8	71
Kalabakan	0	1	2	0	0	3	33
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>1,332</b>	<b>2,754</b>	<b>0</b>	<b>247</b>	<b>4,374</b>	<b>33,525</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Tembok Kota Kinabalu 2	1
	Kluster Sutera 2	1
Ranau	Kluster Jalan Bypass Kologon	1
Kota Belud	Kluster Jubi Tambulion	15
	Kluster Pengkalan Abai	5
Keningau	Kluster Access Menawo	3
Tawau	Kluster Jalan Apas Batu Lima	1
Beluran	Kluster Simpangan Paitan	1
Kinabatangan	Klsuter Bukit Garam	13
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Tembok Kota Kinabalu 2 - Kota Kinabalu** yang dikesan pada 01 Februari 2022, hari ini menokok satu (1) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 104 kes positif COVID-19. Kluster jenis pusat tahanan ini melibatkan banduan di penjara lelaki serta kakitangan di Penjara Kepayan. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 27, merupakan banduan yang bakal dilepaskan dari tahanan penjara. Saringan kontak rapat turut dibuat ke atas 431 individu. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

li **Kluster Jubi Tambulion - Kota Belud** merupakan kluster jenis institusi pendidikan yang menular dalam kalangan pelajar Asrama Jubilee SMK Tambulion dalam daerah Kota Belud. Kes indeks adalah pelajar lelaki, 17, yang dikesan melalui saringan bergejala pada 12 Februari 2022 dan disahkan positif COVID-19 paga hari sama. Saringan terhadap 39 kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas mendapati pertambahan 21 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 22 kes termasuk 15 kes baharu hari ini. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

7 Jumlah kapasiti katil 4,185 unit

- Hospital 1,566 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,220 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 372 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.89%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 15 FEBRUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	4,323
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	50
<b>Jumlah</b>	<b>4,374</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	4,252
Bukan Malaysia	122
<b>Jumlah</b>	<b>4,374</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	208
Belum Menerima Vaksin (5-11)	314
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	271
Menerima 1 Dos	13
Lengkap 2 Dos	2,845
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	723
<b>Jumlah</b>	<b>4,374</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	41
1 to 5	167
6 to 11	317
12 to 17	277
18 to 25	666
26 to 59	2,616
>60	290
<b>Jumlah</b>	<b>4,374</b>

**C PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KANAK-KANAK (PICKids) PERINGKAT NEGERI SABAH**

- 1 Pada hari ini, YAB Ketua Menteri Sabah telah melancarkan program imunisasi COVID-19 kanak-kanak (PICKids) peringkat negeri Sabah di Pusat Perubatan Nuklear dan Radioterapi, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak.
- 2 Ini adalah selaras dengan program imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids) peringkat Kebangsaan yang telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 3 Februari 2022 di seluruh Negara. Ianya adalah perluasan pemberian vaksin kepada golongan kanak-kanak khususnya yang berusia 5 hingga bawah 12 tahun.
- 3 Di peringkat Negeri Sabah, pemberian vaksin ini telah dimulakan pada 3 Februari 2022. Sehingga 14 Februari, seramai 9,686 orang kanak-kanak telah diberi suntikan dos pertama. Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak kini diperluaskan ke seluruh Sabah.

- 4 Vaksin Comirnaty formulasi khas untuk kanak-kanak ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia adalah selamat dan mempunyai efikasi melindungi kanak-kanak daripada jangkitan teruk COVID-19. Program vaksinasi kanak-kanak ini memerlukan dua suntikan dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama.
- 5 Pemberian vaksin ini adalah secara sukarela dan ibu bapa atau penjaga perlu memberi kebenaran bertulis bagi melayakkan anak mereka mendapat vaksinasi COVID-19. Ianya diberikan secara percuma kepada semua kanak-kanak yang menetap di Negeri Sabah tanpa mengira status kewarganegaraan.
- 6 Pemberian vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak dilakukan di 145 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang disediakan merangkumi 109 di Klinik Kesihatan, 22 buah hospital, 18 klinik swasta dan 4 PPV awam, serta PPV Offsite. Temujanji vaksinasi boleh dibuat melalui aplikasi MySejahtera, atau secara ‘walk-in’ di PPV yang berdekatan.
- 7 Ibu bapa dinasihatkan untuk mengambil peluang ini dengan mendaftar dan mengizinkan anak mereka menerima vaksin.

## D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 14 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,711. Daripada jumlah ini, seramai 9,429 orang adalah penduduk dewasa, 66 orang adalah penduduk remaja 2,216 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 14 Februari 2022 adalah seramai 2,467,908 orang. Ini meliputi 2,118,005 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.97% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,918 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,544 orang atau 77.25% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,001 orang atau 79.31% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,374 atau 73.53% orang setakat ini.

4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 11,902 atau 2.89% orang telah menerima 1 dos vaksin

**E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **682,235** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sebanyak dua (2) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- Dua (2) Orang: Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 190 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 833 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT dan tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 548 premis perniagaan dan 877 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 274 Premis Perniagaan melibatkan 100 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 5      Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 21 anggota di enam (6) lokasi.
- 6      Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 7      Sejumlah 35 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8      Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 193 hebahan di seluruh Sabah.

## **G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.1%
2	Ranau	98%
3	Kudat	98%
4	Kinabatangan	98%
5	Beluran	97.9%
6	Sipitang	97.9%
7	Kota Belud	97.9%
8	Tenom	97.9%
9	Keningau	97.8%
10	Beaufort	97.8%
11	Kota Kinabalu	97.8%
12	Kunak	97.8%
13	Kota Marudu	97.7%
14	Tawau	97.7%
15	Papar	97.7%
16	Tuaran	97.7%
17	Sandakan	97.6%
18	Lahad Datu	97.6%
19	Penampang	97.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**